

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 28 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI
NOVEMBER 2023

PULAU PINANG, SELANGOR DAN JOHOR MENYUMBANG 68.0 PERATUS
DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN BAGI BULAN NOVEMBER 2023

PUTRAJAYA, 28 Disember 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM231.8 bilion pada November 2023 dengan nilai eksport sebanyak RM122.1 bilion dan import bernilai RM109.7 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI NOVEMBER 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada November 2023 bernilai RM122.1 bilion, menurun sebanyak RM7.6 bilion (-5.9%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM5.4 bilion), Selangor (-RM2.4 bilion), Sarawak (-RM1.6 bilion), Terengganu (-RM869.1 juta), Melaka (-RM755.1 juta), W.P. Labuan (-RM704.8 juta), Pahang (-RM308.0 juta), Negeri Sembilan (-RM164.2 juta), Perlis (-RM29.9 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (-RM 9.9 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Johor sebanyak RM3.0 bilion, Kedah (+RM929.2 juta), Perak (+RM540.8 juta), Sabah (+RM472.3 juta) dan Kelantan (+RM18.6 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 29.0 peratus, diikuti oleh Johor (22.6%), Selangor (16.9%), Sarawak (8.3%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.7%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan November 2023 meningkat RM1.8 bilion (+1.7%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu W.P. Kuala Lumpur (+RM2.7 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.4 bilion), Pahang (+RM1.1 bilion), Sabah (+RM514.3 juta), Selangor (+RM492.7 juta), Johor (+RM197.1 juta), Melaka (+RM114.4 juta) dan Terengganu (+RM109.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Pulau Pinang sebanyak RM3.9 bilion, W.P. Labuan (-RM280.2 juta), Kedah (-RM78.8 juta), Sarawak (-RM60.9 juta), Kelantan (-RM43.0 juta), Perak (-RM15.9 juta) dan Perlis (-RM6.2 juta).


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.5 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Pulau Pinang (20.4%), W.P. Kuala Lumpur (9.4%) dan Kedah (5.6%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
November 2022 – November 2023 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, November 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
 JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
 28 DISEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE NOVEMBER 2023

PULAU PINANG, SELANGOR AND JOHOR CONTRIBUTED 68.0 PER CENT OF TOTAL TRADE IN NOVEMBER 2023

PUTRAJAYA, 28 December 2023 – Malaysia's total trade for November 2023 amounted to RM231.8 billion with exports and imports recorded RM122.1 billion and RM109.7 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE NOVEMBER 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM122.1 billion in November 2023, decreased RM7.6 billion (-5.9%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Pulau Pinang (-RM5.4 billion), Selangor (-RM2.4 billion), Sarawak (-RM1.6 billion), Terengganu (-RM869.1 million), Melaka (-RM755.1 million), W.P. Labuan (-RM704.8 million), Pahang (-RM308.0 million), Negeri Sembilan (-RM164.2 million), Perlis (-RM29.9 million) and W.P. Kuala Lumpur (-RM9.9 million). However, exports increased in Johor by RM3.0 billion, Kedah (+RM929.2 million), Perak (+RM540.8 million), Sabah (+RM472.3 million) and Kelantan (+RM18.6 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 29.0 per cent share, followed by Johor (22.6%), Selangor (16.9%), Sarawak (8.3%) and W.P. Kuala Lumpur (5.7%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports increased RM1.8 billion (+1.7%) as compared to the same month in 2022. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as W.P. Kuala Lumpur (+RM2.7 billion), Negeri Sembilan (+RM1.4 billion), Pahang

(+RM1.1 billion), Sabah (+RM514.3 million), Selangor (+RM492.7 million), Johor (+RM197.1 million), Melaka (+RM114.4 million) and Terengganu (+RM109.4 million). However, imports decreased in Pulau Pinang by RM3.9 billion, W.P. Labuan (-RM280.2 million), Kedah (-RM78.8 million), Sarawak (-RM60.9 million), Kelantan (-RM43.0 million), Perak (-RM15.9 million) and Perlis (-RM6.2 million)

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 26.5 per cent, followed by Johor (20.6%) Pulau Pinang (20.4%), W.P. Kuala Lumpur (9.4%) and Kedah (5.6%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, November 2022 – November 2023 (RM Billion)




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, November 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 DECEMBER 2023